

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

ATP 201 - Perakaunan Kewangan II

Tarikh : 29 Oktober 1988

Masa : 2.15 petang - 5.15 petang  
( 3 jam )

---

Jawab SEMUA soalan daripada Bahagian A. Pilih DUA soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Berikut ialah kunci kira-kira Syarikat Mawar Sdn. Bhd. yang mempunyai pembahagian tajuk seperti di bawah.

ASET -----	LIABILITI -----
Aset semasa	Liabiliti semasa
Pelaburan	Liabiliti Jangka panjang
Harta, loji dan peralatan	Ekuiti pemilik
Aset tidak ketara	Saham biasa (Par)
-	Tambahan modal berbayar
-	Perolehan tertahan

Baki akaun-akaun lejar syarikat adalah seperti berikut:

- (a) Syarikat telah mengambil deposit pendahuluan daripada pelanggan.
- (b) Peralatan tidak digunakan lagi di dalam operasi syarikat, tetapi masih mempunyai nilai saksama. Nilai buku peralatan ini berjumlah \$100,000.
- (c) Bon belum bayar akan matang pada 10 tahun akan datang.

(ATP 201)

- (d) Insuran premium telah dibayar untuk jangka masa satu tahun.
- (e) Pembaikan harta yang disewa.
- (f) Gaji terakru belum bayar.
- (g) Cukai Pendapatan belum bayar.
- (h) Membeli 1,000 syer daripada Syarikat Penerbangan Malaysia.

Anda Dikehendaki:

Nyatakan di bahagian manakah baki-baki akaun lejer di atas akan ditunjukkan di dalam kunci kira-kira dan nyatakan kenapa anda berbuat demikian.

(15 markah)

2. (a) Berikut ialah IAS yang telah dibincangkan di dalam kursus ATP 201.

IAS     8  
         23  
         4

Anda dikehendaki memilih satu daripada IAS di atas dan secara ringkas nyatakan kandungan dan keperluannya di dalam prosedur pembentangan Penyata Kewangan Syarikat di Malaysia.

(5 markah)

- (b) Baru-baru ini anda telah membaca sebuah majallah kewangan yang mengatakan bahawa syarikat-syarikat elektronik mempunyai "Financial Flexibility" yang baik. Apakah yang dimaksudkan dengan kenyataan ini dan apakah kepentingannya?

(5 markah)

(ATP 201)

- (c) Terangkan apakah kriteria-kriteria yang dapat menentukan sewa jenis operasi dan sewa modal dari sudut si penyewa. Anda dikehendaki membuat penilaian mengenai kriteria-kriteria tersebut.

(5 markah)

- (d) Terangkan bagaimana "Future Earning" sesebuah syarikat dapat dianggarkan.

(5 markah)

- (e) Secara ringkas bincangkan apakah faktor-faktor yang terkandung di dalam FASB berkaitan dengan perakaunan untuk penyelidikan dan kos-kos perkembangan.

(5 markah)

3. Syarikat XYZ telah membelanjakan \$430,000 untuk perusahaan perlombongan arang batu. Syarikat menganggar dapat mengeluarkan 2,000,000 tan arang batu apabila operasi perlombongan dimulakan. Syarikat juga menganggar setelah perusahaan arang batu itu tamat, kawasan (tanah) akan bernilai \$30,000.

Kos bangunan dan peralatan yang digunakan untuk tujuan perlombongan ini bernilai \$420,000 dan dianggarkan aset-aset ini tidak ada nilai sisaan selepas projek perlombongan itu tamat.

Pada tahun pertama, sebanyak 200,000 tan arang batu telah diproseskan dan \$118,000 telah direkodkan kepada kos buruh dan kos operasi. Pada tahun yang sama sebanyak 150,000 tan telah dijual.

Anda Dikehendaki:

- (a) Mengira kos barang dijual untuk tahun pertama.  
(Tunjukkan jalan kira)

(ATP 201)

- (b) Merekod semua jurnal yang terlibat (contoh: Akaun Inventori dan Akaun Kos Barang Dijual) untuk tahun pertama.

(20 markah)

BAHAGIAN B (Jawab DUA soalan sahaja)

4. Syarikat Dayabumi telah beroperasi beberapa tahun yang lalu. Pada tahun 1989 syarikat telah melantik juruaudit untuk membuat pemeriksaan akaun syarikatnya yang selama ini tidak pernah diauditkan. Sebelum juruaudit memeriksa akaun-akaunnya, akauntan syarikat telah menyediakan penyata kewangan perbandingan untuk tahun 1988 dan 1989. Mengikut penyata ini, pendapatan bersih syarikat berjumlah \$44,000 (tahun 1988) dan \$46,000 (tahun 1989).

Pada akhir tahun 1988 Perolehan Tertahan berjumlah \$180,000 dan \$205,000 pada tahun 1989. Dividen tidak dibayar pada tahun 1988.

Pada masa pemeriksaan odit dijalankan invois yang bertarikh 3 Jan., 1985 berjumlah \$10,000 (dibayar secara tunai pada masa itu) telah direkodkan kepada akaun "belanja operasi". Sebenarnya jumlah ini ialah untuk belian mesin. Mesin dianggar mempunyai 10 tahun usiaguna dan tiada nilai sisaan. Kaedah Garis Lurus digunakan untuk susutan mesin.

- (a) Apakah jenis perubahan perakaunan yang telah wujud?
- (b) Sediakan jurnal yang perlu untuk tahun 1989. (ketepikan kesan cukai)
- (c) Terangkan bagaimana perubahan di atas akan memberi kesan kepada penyata pendapatan. (Tunjukkan penyata pendapatan dan penyata perolehan tertahan untuk memudahkan penjelasan anda mengenai perubahan pada tahun 1988 dan 1989).

(20 markah)

(ATP 201)

5. Encik Hassan telah dilantik ke jawatan akauntan. Ketika menjalankan tugas, ia keliru dengan berbagai perkara yang kompleks di dalam standard perakaunan mengenai beberapa badan iktisas yang telah mengeluarkan laporan kewangan standard, serta peringkat autoriti yang menyokong laporan-laporan kewangan itu.

Cik Hayati, sahabatnya mencadangkan supaya beliau (Encik Hassan) membuat ulangkaji mengenai persekitaran dan standard perakaunan yang telah ditetapkan, jika ia ingin mempelajari dan mengetahui bidang profesyen perakaunan dengan lebih mendalam.

Cik Hayati, teringat semasa pengajiannya di dalam bidang perakaunan di U.S.M. terdapat dua bab yang telah membincangkan persekitaran perakaunan dan perkembangan standards perakaunan. Walau bagaimanapun, ia masih ingat pensyarahnya yang telah menumpukan bab tersebut.

Anda Dikehendaki

- (a) Anda diminta menolong Cik Hayati untuk menunjukkan kedudukan badan yang terlibat di dalam menyempurnakan standard perakaunan.
- (b) Bagaimanakah cara perakaunan melibatkan di dalam persekitaran yang dimaksudkan oleh Cik Hayati itu? Iaitu apakah faktor persekitaran yang telah mempengaruhi serta mendorong perakaunan dan bagaimana ianya dipengaruhi.
- (c) Jelaskan kepada Cik Hayati gambaran sejarah dan bagaimana standard itu disempurnakan dan apakah perkembangannya.
- (d) Apakah tugas GAAP yang wujud melalui penyempurnaan standards perakaunan?

(20 markah)

6. Pada November 1, 1985 Syarikat Maju Jaya telah membuat perjanjian dengan Syarikat Pembinaan ABC untuk membina sebuah bangunan bernilai \$1,400,000. Kos tanah ialah \$100,000 (yang dibeli daripada Syarikat Pembinaan ABC dan kos ini telah dimasukkan di dalam bayaran I). Syarikat Maju Jaya telah membuat bayaran seperti berikut pada tahun 1986.

Mac	Mei	Disember	Jumlah
---	---	-----	-----
510,000	540,000	450,000	1,500,000

Pembinaan bangunan selesai dan terus digunakan pada 31/12/86. Pada masa yang sama Syarikat Maju Jaya mempunyai baki pinjaman seperti di bawah.

- (i) 15%, nota 3 tahun, kerana pembiayaan kewangan untuk membeli tanah dan pembinaan bangunan pada 1/3/1986 dan bunga dibayar setahun sekali pada 1/3. = \$750,000
- (ii) 10%, 5 tahun nota belum bayar tarikh 31/12/1982, bunga dibayar setahun sekali pada 31/12. = \$550,000
- (iii) 12%, 10 tahun bon yang telah dikeluarkan pada 31/12/1981, bunga akan dibayar setahun sekali pada 31/12. = \$600,000

Anda Dikehendaki

- (a) Kira jumlah perbelanjaan purata wajar.
- (b) Kira bunga sebenar.
- (c) Kira bunga dapat dielakkan.
- (d) Sediakan jurnal yang perlu direkodkan ke dalam akaun syarikat.
- (e) Tunjukkan contoh bagaimana bunga dipermodalkan direkod di dalam penyata pendapatan.

(20 markah)

7. Sebagai Juruaudit anda dikehendaki menjelaskan kedudukan perakaunan mengenai perkara-perkara berikut.

(a) Anda dikehendaki memberi alasan kepada setiap cadangan yang dibuat itu.

- (i) Syarikat anggar akan mendapat balik jumlah cukai yang terlebih bayar kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Walau bagaimanapun jumlahnya belum diterima dan pihak syarikat telah membuat pengakuan positif mengenai pemulangan tersebut.
- (ii) Jumlah tunai syarikat yang telah dasingkan untuk kegunaan lain telah digunakan dengan serta merta untuk pembinaan loji dan belian mesih.
- (iii) Kebelakangan ini kadar mogok di dalam industri amat menjadi-jadi. Berdasarkan maklumat ini, syarikat menganggarkan bahawa pelanggan dan syarikatnya akan menjadi mangsa kerugian untuk tahun yang akan datang.
- (iv) Inventori syarikat termasuk peralatan yang telah pun bersara. Walau bagaimanapun setengah daripada peralatan-peralatan ini masih mempunyai nilai buku dan nilai sisaan (nilai jualan).

(10 markah)

(b) Pada Januari 1984, Syarikat Sinar Cahaya membeli paten untuk minuman sejuk berjumlah \$75,000. Paten ini telah pertama kali dikeluarkan pada tahun 1982. Pada Julai 1, 1988 kerajaan telah melarang penggunaan paten ini kerana didapati ramuan yang terkandung di dalam minuman tersebut amat membahayakan. Oleh itu minuman ini tidak dibenarkan berada di pasaran lagi.

Anda Dikehendaki

Sediakan jurnal Paten untuk tahun 1984 - 1988.

(10 markah)